

20/10/1998

ISA perlu dikaji bukan dimansuh

KUALA LUMPUR, Isnin - Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hanya perlu dikaji semula daripada segi kesesuaiannya dengan keadaan keselamatan negara sekarang dan bukan dihapuskan, kata Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Beliau berkata, dalam keadaan apa sekalipun ISA perlu dikekalkan demi keselamatan negara dan kesejahteraan hidup rakyat.

"Saya akan menyuarakan pendirian Gerakan mengenai ISA kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan akan meminta beliau jangan sekali-kali berfikir untuk menghapuskannya," katanya kepada pemberita pada sambutan Hari Deepavali anjuran Gerakan di ibu pejabat parti itu di sini, hari ini.

Rabu lalu, Dr Mahathir berkata, beliau pernah membuat cadangan supaya ISA dihapuskan tetapi polis berpendapat undang-undang itu masih perlu untuk memelihara kepentingan keselamatan negara.

"Menerusi ISA Malaysia berjaya membanteras kegiatan subversif Parti Komunis Malaya (PKM) serta menyelamatkan negara daripada dilanda kehancuran ketika rusuhan kaum 1969," katanya.

Lim berharap generasi muda mengambil iktibar daripada apa yang pernah berlaku kepada negara ketika darurat sekitar tahun 40-an serta tragedi 13 Mei 1969 serta fungsi ISA dalam menangani kedua-dua peristiwa berdarah itu.

"Oleh itu mereka tidak seharusnya melakukan sesuatu yang menggugat keselamatan negara dengan mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran di jalan raya," katanya.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar, juga sependapat bahawa ISA tidak boleh dihapuskan kerana ia bertujuan mencegah perkara yang mengancam keselamatan awam.

Katanya, ISA bukan bertujuan memelihara kepentingan politik seseorang pemimpin atau kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN).

Sebaliknya, akta berkenaan bertujuan memelihara keselamatan rakyat berbilang bangsa dan agama.

"ISA membolehkan kerajaan bertindak secara proaktif iaitu mencegah huru-hara yang difikirkan akan timbul daripada sesuatu isu. Ia membolehkan kita membanteras sebelum sesuatu perkara itu berlaku," katanya pada Forum Ancaman Keselamatan, Ekonomi dan Sosial, anjuran Jawatankuasa Penerangan negeri, di Alor Star, petang ini.

Syed Hamid berkata, ISA bukan bertujuan membolehkan polis mendapatkan bukti, saksi dan seumpamanya daripada seseorang yang ditahan, sebaliknya untuk mengelakkan rakyat berada dalam konflik.

Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata beliau menjemput negara asing yang mempertikaikan ISA supaya hadir ke negara ini untuk mempelajari keberkesanan akta itu dalam mencegah sesuatu perkara yang mampu menggugat ketenteraman awam.

"Ada pemimpin pembangkang yang ditahan ISA kerana menggugat ketenteraman awam tetapi akhirnya masuk Umno.

(END)